

UNIT PELANCONGAN
MAJLIS DAERAH KUBANG PASU

LAPORAN
GUA KERBAU TRAILS RUN 2018
EDISI KEDUA

TARIKH :
18 OGOS 2018

TEMPAT :
GUA KERBAU, KODIANG

ANJURAN :
MAJLIS DAERAH KUBANG PASU

1.0 PENGENALAN

Program 'Gua Kerbau Trail Run 2018' Edisi Kedua ini diadakan bagi mempromosikan dan menarik minat masyarakat Malaysia terutamanya generasi muda untuk mengadakan pelbagai aktiviti seperti aktiviti sukan dan kebudayaan di Daerah Kubang Pasu serta menikmati keindahan kawasan desa dan sawah padi yang menenangkan. Terdapat beberapa pemandangan suasana desa yang indah dan cantik di sepanjang jalan atau laluan mengelilingi Gua Kerbau serta kawasan sekitarnya.

2.0 LATAR BELAKANG

Program 'Gua Kerbau Trails Run 2018' Edisi Kedua merupakan program anjuran Unit Pelancongan, Majlis Daerah Kubang Pasu dengan kerjasama MEP Ventures Sdn Bhd. Program ini telah diadakan pada 18 Ogos 2018 di Perkarangan Gua Kerbau, Kodiang, Kedah. Terdapat 700 orang peserta telah menyertai program ini. Antaranya daripada negeri Kelantan, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Perlis dan Kedah terutamanya. Terdapat juga peserta daripada Kenya dan Thailand pada tahun ini. Matlamat program ini adalah untuk mempromosikan Industri Pelancongan Sukan (Sport Tourism) di Daerah Kubang Pasu. Program ini boleh menaikkan taraf sosial ekonomi penduduk setempat dan memupuk semangat kesukanan dengan gaya hidup sihat dikalangan masyarakat. Kaedah pelaksanaan program adalah daripada jawatankuasa yang telah dilantik. Yuran penyertaan yang dikenakan untuk para peserta adalah sebanyak RM60 bagi kategori terbuka wanita, terbuka lelaki, remaja lelaki, dan veteran senior manakala RM45 untuk kategori 'Fun Run'. Pihak penganjur telah membekalkan t-shirt, no bib, medal, cabutan bertuah, dan wang kemenangan kepada 10 peserta terawal bagi setiap kategori.

3.0 HURAIAN PENILAIAN

Para peserta memberikan komen yang positif terhadap program ini. Diharap program ini akan menjadi acara tahunan pada masa akan datang. Trail yang disediakan amatlah memberi cabaran kepada setiap peserta.

4.0 PENCAPAIAN AKTIVITI

Melalui program yang diadakan ini dapatlah kita memperkenalkan Gua Kerbau, Kodiang kepada orang ramai. Gua Kerbau, Kodiang adalah satu tempat rekreasi yang perlu perlu dibangunkan untuk kegunaan orang awam sebagai tempat beriadah dan dapat menjana sosioekonomi pada masa akan datang. Hasil daripada program ini dapat mencapai matlamat utama pihak penganjur iaitu mempromosikan Gua Kerbau sebagai tempat pelancongan di daerah Kubang Pasu ini.

5.0 KEMAJUAN / MASALAH

- 5.1 Melalui program ini dapat memperkenalkan Gua Kerbau kepada orang luar
- 5.2 Dapat meningkatkan sosioekonomi penduduk setempat
- 5.3 Kebersihan Kawasan sekitar
- 5.4 Kemudahan awam

6.0 CADANGAN

- 6.1 Kawasan sekitar perlu sentiasa dijaga dan diselenggara
- 6.2 Kemudahan awam perlu dinaiktaraf
- 6.3 Aktiviti 'wall climbing' dan hiking boleh dilakukan di Gua Kerbau
- 6.4 Trek Larian 5km boleh dikekalkan menjadi Trek 'jogging' untuk orang awam

7.0 GAMBAR AKTIVITI



Peserta Berkumpul di Start/Finish



Peserta Larian Bersiap Sedia Untuk Memulakan Larian



Ustaz Azizan Mengetuai Bacaan Doa



Peserta Larian 12km Memulakan Larian



Peserta Larian



Peserta Larian 5km Memulakan Larian



Acara Cabutan Bertuah Oleh YDP



Pemberian Cenderahati Kepada MEP Ventures



Peserta Larian Tiba Di Water Station Pertama



Peserta Larian



Peserta Larian



Peserta Larian



MDKP Team



MDKP Team



Peserta Larian



Peserta Larian



Peserta Larian



Peserta Larian



Puspanita Membuka Gerai Jualan



Gerai Jualan Oleh Puspanita



Pemberian Hadiah Kepada Pemenang



Pemberian Hadiah Kepada Pemenang